

KELUARAN KHAS KONVOKESYEN

PERUTUSAN CANSELOR

ASSALAMUALAIKUM warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan izin-Nya, KUIM berjaya melangsungkan Konvo kesyen kali keempat ini dengan jayanya.

Kini KUIM semakin berkembang dan beroperasi di kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Aneka program pengajian yang ditawarkan merentasi semua cabang ilmu yang meliputi ekonomi, perakaunan, undang-undang, bahasa, dakwah, pengurusan, Quran, Sunnah, Fikah, kaunseling, komunikasi, perubatan, sains dan teknologi maklumat.

Ia tidak berpaksi kepada bidang tradisional Pengajian Islam semata tetapi merentasi semua bidang yang memenuhi kehendak pasaran semasa termasuk program kritikal dan profesional, menjadikan KUIM sebagai universiti yang kompetitif dan peka dengan keperluan semasa.

Betapa KUIM tidak mahu ketinggalan dalam era globalisasi.

Tahniah Kepada semua graduan yang berjaya memperolehi sijil, diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah masing-masing.

Beta mengharapkan anda sentiasa bersemangat dan komited untuk memajukan Universiti, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan agama, bangsa dan negara.

Wassalam.

**D.Y.M.M. TUANKU NAJIHAH
BTE ALMARHUM TUNKU BESAR
BURHANUDDIN
TUNKU AMPUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



SIDANG REDAKSI

• Penasihat

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor
Hj. Husin
Rektor

Prof. Dato. Dr. Mohamed Asin Dolah
Timbalan Rektor
(Akademik dan Pengantarabangsaan)

Prof. Dr. Mohamad Hj. Alias
Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

• Ketua Pengarang

Puan Sapora Sipon
Pengarah Pusat Perhubungan Korporat
dan Antarabangsa

• Ahli

En. Arshad Hamzah
Timbalan Pendaftar (Akademik)

Puan Norrifilzah Shahari
Penolong Pendaftar
(Perhubungan Awam)

Puan Hariza Mohd Yusof
Pegawai Penerbit

Cik Siti Maizatul Akmar Ismail
Pembantu Wartawan

Cik Azlinda Abd. Aziz
En. Irwan Shah Abd. Razak
Pembantu Tadbir
(Perhubungan Awam)

• Jurufoto

Kamarul Syamzari Kamaruddin

Risalah KUIM diterbitkan oleh
Pusat Perhubungan Korporat dan
Antarabangsa.

Sebahagian maklumat di dalam buletin
ini tertakluk kepada perubahan tanpa
sebarang pemberitahuan awal.

Pendapat yang dikemukakan di dalam
mana-mana artikel tulisan kakitangan KUIM
adalah pandangan peribadi mereka dan
tidak menggambarkan atau mencerminkan
pendirian universiti.



daripada

Ketua Pengarang

PENERBITAN khas konvokesyen ini adalah manifestasi ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian dan menerima segulung ijazah masing-masing. Teristimewa kepada para penerima anugerah pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang dan jurusan.

Di bahu para graduan semua terletak harapan untuk mengharumkan nama dan menaikkan imej universiti di mata kerajaan, majikan dan masyarakat.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buletin khas konvokesyen ini khususnya kepada sidang redaksi.

Selamat maju jaya untuk semua.

Sapora Sipon

PUSAT PERHUBUNGAN KORPORAT & ANTARABANGSA

BERDIRI DARI KIRI:

Kamarul Syamzari Kamaruddin,
Irwan Shah Abd. Razak dan
Azlinda Abd. Aziz.

DUDUK DARI KIRI:

Norrifilzah Shahari, Sapora
Sipon dan Siti Maizatul Akmar
Ismail.

Pusat Perhubungan Korporat
& Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai
Negeri Sembilan

Tel : 06-7988025/ 8026/
8028/8058
Fax : 06-7988204
Website : www.kuim.edu.my



Perutusan Menteri Pengajian Tinggi



**Sikap menjamin
kualiti tinggi
dalam apa jua
perbuatan adalah
salah satu ciri
'minda dunia
pertama'**

GRADUAN-GRADUAN merupakan harapan modal insan negara dan dengan mengikuti kursus-kursus yang relevan mereka akan memenuhi keperluan tenaga kerja negara kita. Tambahan lagi, mereka yang melanjutkan pengajian tinggi dan menceburi bidang penyelidikan akan meningkatkan tahap ilmu yang terdapat di Malaysia. Apa yang penting ialah para graduan, tidak kira kerjaya yang dipilih, perlu berdedikasi sepenuhnya apabila memajukan kerjaya masing-masing. Ini merupakan satu tanggungjawab terhadap negara kerana sikap menjamin kualiti tinggi dalam apa jua perbuatan adalah salah satu ciri 'minda dunia pertama' yang sangat perlu bagi mencapai Wawasan 2020.

Kementerian Pengajian Tinggi berharap agar Malaysia dikenali sebagai pusat pengajian tinggi yang cemerlang di dunia. Bagi mencapai hasrat ini, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu melahirkan dan memupuk tenaga pensyarah dan penyelidik yang unggul, dan menjalankan program-program pengajian tinggi yang bertaraf dunia. IPTA perlu menumpukan fokus dalam bidang-bidang yang ditentukan sebagai '*niche area*' masing-masing. Apabila dilaksanakan dengan sempurna, ini akan menarik pelajar dan tokoh-tokoh asing ke Malaysia dan secara langsung, akan menambah prestasi institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selain membawa manfaat kepada pembangunan modal insan, kejayaan Malaysia sebagai sebuah destinasi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa akan juga membawa pembangunan ekonomi kepada negara kita.

Saya mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang menerima ijazah pada hari ini. Mereka telah bertungkus-lumus semasa mengikuti pengajian tinggi di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIUM), dan kini telah berjaya mencapai keputusan yang cemerlang. Namun, ini hanya merupakan langkah permulaan dalam menceburi kerjaya masing-masing. Ijazah yang diterima pada hari ini boleh dianggap sebagai '*passport*' untuk memulakan pekerjaan, tetapi, para graduan mestilah terus komited dalam mencari peluang untuk mendapat pengalaman dan mengasahkan kecekapan masing-masing. Juga, Pengajian Sepanjang Hayat (*Lifelong Learning*) patut dijadikan teladan semua para graduan supaya sentiasa meningkatkan potensi masing-masing.

DATO' MUSTAPA MOHAMED



Memacu imej KUIM

PADA usia enam tahun Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menempa kejayaan yang membanggakan apabila dikenali dengan cepat baik di kalangan pentadbiran negara mahupun masyarakat umum.

Menurut Pengerusinya, **Tan Sri Yusof Noor**, tanggapan umum ini berdasarkan sambutan baik ketika interaksi dengan pelbagai lapisan pimpinan negara dan juga ketika KUIM mengadakan operasi khidmat masyarakatnya.

"Imej KUIM cepat meresap ke dalam masyarakat", katanya.

Sungguhpun begitu KUIM tidak berlumba-lumba dengan institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain sebaliknya memfokus kepada bidang terhad tetapi mendalam.

Pendekatan KUIM ketika ini ialah memberi penekanan kepada bidang sains dan perubatan dalam satu kumpulan, dan pengajian tentang ilmu-ilmu islam dan tamadun arab dalam satu lagi kumpulan.

Bagi *core area*, perkembangan akan berlaku dalam bidang perubatan kepada bidang berkaitan seperti pergigian, kejururawatan dan sains kesihatan umum.

Manakala *soft subject* pula menumpu kepada perakaunan, undang-undang, *bisness* dan ilmu berkaitan hal ehwal keislaman.

"KUIM tidak mahu jadi seperti pepatah Inggeris; *Jack of all trades, Master of none*", kata Yusof.

Justeru itu melahirkan intelek islam atau bidang lain akan terus menjadi matlamat KUIM selama-lamanya.

Ujar Yusof, ciri intelektualisme yang perlu ada pada semua ialah kebolehan untuk berfikir dengan betul dan bertindak dengan betul.

Untuk itu, KUIM menggalakkan pelajar ijazah pertamanya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan seterusnya ke peringkat doktor falsafah (PhD).

Oleh sebab itu, berbeza dengan IPT lain, KUIM mempunyai struktur istimewa iaitu 45% pelajar lepasan ijazah (*postgraduate*) untuk kursus di peringkat sarjana dan PhD, dan 55% pelajar ijazah pertama (*undergraduate*).

"Ijazah pertama bukan kepakaran tetapi perediaan ke peringkat lepasan ijazah", tegas Yusof.

Selain daripada itu, graduan KUIM merupakan ejen penyelesaian masalah dan bukan penambah masalah.

Maka setiap graduan kelahiran KUIM adalah aset kepada pembangunan negara dan ini merupakan modal insan seperti yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Dengan ini para graduan KUIM tidak menunggu pekerjaan sebaliknya sentiasa berfikir untuk terlibat dalam perusahaan, keusahawanan atau bergantung kepada inisiatif sendiri dalam mencari punca pendapatan sebagaimana graduan di negara maju.



**Graduan KUIM
merupakan ejen
penyelesai
masalah dan
bukan
penambah
masalah**

**TAN SRI DR. MOHAMAD
YUSOF BIN HJ. MOHD NOOR**

Pengerusi
Lembaga Pengarah KUIM

Strategi KUIM

Membangun modal insan

SELARI dengan aspirasi negara, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) turut fokus dalam pembangunan modal insan seperti mana yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) selain membina jenama dan pengukuhan imej menerusi kemahiran dan ceruk (*niche*) tertentu untuk tempoh lima tahun akan datang.

Tiga strategi utama yang telah dan sedang dilaksanakan dalam melahirkan graduan yang cemerlang akademik, tinggi sahsiah dan mempunyai kemahiran tambahan dalam pelbagai bidang seperti Teknologi Maklumat (IT) dan berkomunikasi dalam bahasa Arab dan Inggeris.

Menurut Rektornya, **Profesor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**, bahawa KUIM mahu melahirkan intelektual Islam yang mempunyai keupayaan untuk duduk dalam masyarakat majmuk dan moden.

"Kita mahu membekalkan sumber manusia yang menepati kehendak pasaran dan mempunyai kekuatan dalaman khususnya rohani dan emosi," katanya.

Justeru strategi pertama pentadbiran KUIM ialah untuk memastikan kecemerlangan akademik setiap graduan-nya dengan menyediakan kurikulum yang sesuai, pensyarah berwibawa dan kemudahan prasarana yang mencukupi.

Menjelang penghujung tahun 2007, fasa pertama pembangunan kemudahan infra KUIM akan siap sepenuhnya yang mencakupi sebuah bangunan pentadbiran, perpustakaan, empat buah fakulti (iaitu Fakulti Qur'an dan Sunnah, Fakulti Bahasa Utama, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, dan Pusat Pengajian Umum), pusat komersial, rumah kakitangan kritikal dan kompleks kemudahan pelajar.

Beberapa pusat kecemerlangan juga dalam proses pembinaan demi memantapkan lagi KUIM sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan. Antaranya ialah Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Pusat Pengajian Siswazah dan Pusat Kecemerlangan Kaunseling Kanak-kanak dan Keibuan.

Menyusul selepas itu ialah fasa kedua di bawah RMK-9 yang melibatkan pembangunan bangunan Fakulti Perubatan Pergigian dan

Sains, Kompleks Sukan, Pusat Islam dan Pusat Tamidi.

Strategi kedua ialah melengkapkan para pelajar dengan kemahiran selain daripada ilmu yang menjadi bidang pengajian mereka. Tumpuan utama menjerus kepada kemahiran komunikasi, bahasa dan penampilan diri.

Pelbagai pendekatan diguna pakai seperti mewajibkan semua pelajar baru mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris selama 40 jam untuk pelajar dengan MUET di bawah 2 dan 35 jam untuk mereka yang mendapat 3 ke atas. Tujuannya untuk meningkatkan keyakinan diri, tidak malu berinteraksi dan bagi motivasi diri.

Tambahan pula semua pengajian di KUIM dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Arab untuk pengajian *pure* Islam dan bahasa Inggeris bagi yang lain.

Pelajar KUIM juga didedahkan kepada pembacaan teks klasik, pengucapan awam dan pengendalian mesyuarat menggunakan dua bahasa ini dalam kurikulum yang disediakan.

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor menjelaskan bahawa melalui pembacaan teks klasik para pelajar membiasakan diri dengan bahasa ilmu mengikut bidang masing-masing.

Sebagai pendedahan awal, semua pelajar KUIM tanpa mengira jurusan menjalani latihan industri yang menggunakan bahasa Arab atau Inggeris seperti di Malaysian Airport Sepang Berhad untuk pengumuman dan menjadi pemandu pelancong kepada kira-kira hampir sejuta pelancong Arab mulai Jun 2005 hingga Oktober 2006.

Pembinaan sahsiah pelajar merupakan strategi ketiga dan ia dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

ia melibatkan aktiviti ko-kurikulum beruniform, persatuan, kelab dan sukan elit seperti golf, *bowling* dan futsal. Para pelajar dilengkapi dengan kemahiran teori dan praktikal.

"Penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum ini mampu mengasah bakat kepimpinan pelajar dan membentuk jati diri," kata Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor.

**PROFESOR DATO'
DR. ABDUL SHUKOR
BIN HJ. HUSIN**

Rektor



Anugerah pelajar cemerlang

**Doktor Falsafah
Da'wah dan
Pengurusan Islam**



**SAEED NOWAIFA'
SAAD AL-HAZMI**

**Sarjana
Pengajian Quran
dan Sunnah**



**MOHAMED
AKHIRUDDIN
BIN IBRAHIM**

Sarjana Syariah dan Kehakiman



**ABDUL HALIM
HARUN**



**MARWA M.A.
SWEDAN**

**Anugerah
Canselor**



**SALMAH BINTI
SHAHIDAN**
Sarjana Muda Syariah
dan Kehakiman dengan
Kepujian

**Pingat Emas
Rektor**



**MOHD MAHYEDDIN
BIN HJ MOHD SALLEH**
Sarjana Muda Syariah
dan Kehakiman
dengan Kepujian

Anugerah Pelajaran DiRaja



**JUNAIDAH BT. ABU
SEMAN**
Sarjana Muda
Pentadbiran Muamalat
dengan Kepujian



BAHIYAH BINTI AHMAD
Sarjana Muda Syariah
dan Kehakiman
dengan Kepujian

Hadiah Buku Fakulti

Fakulti Ekonomi dan Muamalat
JUNAIDAH BINTI ABU SEMAN
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
SITI ZAINAB BINTI CHE WIL
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
MOHAMMAD TARMIZI BIN AHMAD
Fakulti Syariah dan Undang-undang
SALMAH BINTI SHAHIDAN

Hadiah Buku Universiti

SALMAH BINTI SHAHIDAN
Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian
JUNAIDAH BINTI ABU SEMAN
Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian
MOHD MAHYEDDIN BIN HJ MOHD SALLEH
Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian
BAHIYAH BINTI AHMAD
Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian
SITI ZAINAB BINTI CHE WIL
Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian

Hadiah Kokurikulum

MOHD MAHYEDDIN BIN HJ MOHD SALLEH
Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian

Setinggi-tinggi

Tahniah

Kepada Graduan Sulung

**Diploma Amalan
Kehakiman
dan Guaman Syariee**

&

**Diploma Siswazah
dalam Penyalahgunaan
Dadah**

Melahirkan Graduan Terbilang

KONVOKESYEN kali keempat Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) ini berjaya melahirkan seorang graduan sulung di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Da'wah dan Pengurusan Islam, tiga orang di peringkat sarjana, dan 534 graduan ijazah sarjana muda.

Daripada tiga graduan ijazah Sarjana, dua terdiri daripada graduan dalam bidang Syariah dan Kehakiman, dan seorang dalam Pengajian Qur'an dan Sunnah.

Manakala di peringkat ijazah pertama pula, KUIM turut meraikan kelahiran sulung 98 graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Mu'amalat dari Fakulti Ekonomi dan Mu'amalat setelah mereka berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh empat tahun.

Sejajar dengan kehendak pasaran, ijazah ini dibahagikan kepada tiga bidang pengkhususan yang sedang berkembang pesat ketika ini iaitu Perbankan Islam dan Takaful, Pentadbiran Korporat dan Pelaburan serta Perkhidmatan Kewangan.

Menurut Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan KUIM, **Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah**, keistimewaan ijazah ini berbanding dengan jurusan sama universiti lain ialah kekuatan graduan yang dilengkapi dengan nilai keagamaan dan konsep bekerja sebagai satu ibadah.

"Bekalan ini diharap mampu menjadi kekuatan dalaman dan pendinding kepada mereka daripada terjebak kepada salah guna kuasa, rasuah atau pecah amanah apabila berada di alam kerjaya kelak", katanya.

Selain itu, KUIM juga melahirkan 162 graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, 138 graduan Ijazah Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam, dan 136 graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qur'an dan Sunnah.

Turut diraikan pada konvokesyen ini ialah 24 graduan Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPaDa) dan enam graduan Diploma Siswazah Kehakiman dan Guaman Syariee (DSKS).

Kursus Lulusan Siswazah ini mempunyai peranan dan kepentingan tersendiri kepada negara. SPaDa misalnya diwujudkan untuk melahirkan kumpulan pakar dalam kalangan kaunselor/personalia dalam bidang pengurusan, pendidikan, pencegahan, pemulihan dan rawatan dalam alkohol dan dadah di negara ini. Manakala DSKS pula menjadi syarat wajib yang ditetapkan oleh kerajaan sebelum seseorang itu layak dilantik menjadi peguam Syariee.

Bagaimanapun, Dr. Mohamed Asin menegaskan bahawa pertambahan bilangan graduan yang dilahirkan mestilah diimbangi dengan kualiti sepertimana yang dikehendaki oleh pasaran agar mereka tidak menjadi sebahagian daripada statistik siswazah menganggur yang bilangannya besar ketika ini.

KUIM telah mengambil langkah proaktif untuk melengkapkan graduannya dengan kemahiran tambahan dalam tiga bidang utama iaitu penguasaan bahasa selain Bahasa Melayu, *Soft Skills* seperti kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan kemahiran komunikasi, pengurusan dan ilmu keusahawanan. Dua pendekatan digunakan iaitu pertama dengan menjadikannya sebahagian daripada kurikulum yang mana pelajar mesti ambil dan wajib lulus, dan kedua melalui kursus pilihan hanya untuk yang betul-betul berminat seperti bidang keusahawanan.

Bagi penguasaan bahasa asing pelajar KUIM mempunyai kekuatan dan kelebihan kerana mereka menguasai dua bahasa tambahan iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

"Hal ini kerana semua proses pengajaran di sini menggunakan bahasa Inggeris kecuali yang berkaitan dengan keagamaan yang menggunakan bahasa Arab", ujar Dr. Mohamed Asin.

>> Lihat halaman 14

**PROFESOR DATO'
DR. MOHAMED ASIN DOLLAH**

Timbalan Rektor Akademik dan
Pengantarabangsaan KUIM





MAJLIS menghadap Canselor pada 9 Ogos 2006.

PENGURUSAN T

Berdiri (Dari Kiri) : En. Muhamad Haizuan Rozali (Timbalan Pendaftar HEP), Prof. Dr. Ka Samah (Dekan FPBU), Prof. Dr. Bachok M. Taib (Pengarah PPS), Puan Sapora Sipon (Pe Muda (Dekan FEM), Prof. Datin Seri Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (Dekan FKPP), Dekan FSU), En. Arshad Hamzah (Timbalan Pendaftar Akademik)

Duduk (Dari Kiri) : En. Ir. Daim Saian (Pengarah Unit Pembangunan), Tn. Hj. Addenan H Mohamed Asin Dollah (Timbalan Rektor Akademik & Pengantarabangsaan), Pn. Hajjah R

Tanpa Hadir : Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timbalan Rektor HEP & Alumni) dan Prof. Dr



MENTERI Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed, ketika melancarkan buku Etika KUIM.



DARI KIRI: Pengerusi KUIM, Tan Sri Yusof Noor, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed, dan Rektor KUIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Hj. Husin.



PERTINGGI KUIM

Haruzzaman Seman (Pengarah PPITM), Prof. Dr. Jalani Sukaimi (Dekan FST), Dr. Rosni (Pengarah PPKA), Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail (Dekan FPSK), Prof. Dr. Muhamad Dr. Adnan Mohamed Yusoff (Dekan FPQS), En. Abd. Hamid Abd. Murad (Timbalan Pengerusi), En. Abd. Rahman (Pendaftar), Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Hj. Husin (Rektor), Prof. Dato' Dr. Damanhuri Abu (Bendahari), En. Jasmin Jaimon (Ketua Pustakawan) dan En. Abd. Samat Musa (Dekan FSU).



YANG DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman sedang mendengar taklimat daripada salah seorang pegawai INFAD.



TUANIKU Canselor menerima kunjungan hormat daripada pegawai kanan universiti.



Buatkan saya secangkir kopi
Cangkir diperbuat daripada seramik
Pembangunan sahsiah jati diri
Pelengkap kepada kecemerlangan akademik

Modal Insan berpersonaliti unggul

FOKUS Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) ialah membentuk sahsiah pelajarannya untuk berpersonaliti unggul, satu pakej, insan yang berilmu, berdisiplin, bertakwa, berketrampilan dan berkemahiran.

“Pelajar yang dipupuk dengan pakej ini akan menghayati nilai yang baik, dengan gandingan perkembangan sahsiah dan akademik yang baik,” kata Timbalan Rektor (HEPA), **Prof. Dr. Mohammad Haji Alias**. Katanya, prestasi akademik secara keseluruhan dilihat berdasarkan Petunjuk Indeks Prestasi (KPI) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

Kepada beliau, KPI menjadi indikator kepada keberkesanan peranan fakulti (para pensyarah), kurikulum, persekitaran pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta keberkesanan penyampaian.

“Indikator ini (akademik) kita lihat melalui PNGK,” ujarnya.

Selain melihat perkembangan akademik, Dr. Mohammad menambah, aspek kebolehpasaran dan kebolehsaingan perlu ada, dan nilai ini dibentuk dalam kelas dan di luar kelas. Nilai yang hendak disemai ini termasuklah kebolehan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), berfikiran kritikal, kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis.

Menurut Dr. Mohammad, HEPA berperanan sebagai pelengkap kepada aktiviti dalam kelas bagi memupuk *soft skills*. “Sebagai contoh, kemahiran *soft skills* dipupuk melalui aktiviti sukan,” ujarnya. Tentang kejayaan dalam bidang sukan, beliau menambah, sebagai universiti yang relatif baru, pencapaian atlet KUIM memberangsangkan semasa sukan anjuran Majlis Sukan Antara Universiti Malaysia (MASUM) pada bulan Mei lalu, apabila merangkul dua emas, dua perak dan dua gangsa. Pingat-pingat itu diraih melalui acara seni silat dan taekwondo.

Katanya, kemahiran bersaing (*competative skills*) melalui sukan, sangat penting dalam alam pekerjaan, seperti memupuk, “kemahuan untuk menang dalam keadaan *fairplay*”

Katanya, KUIM juga akan memupuk minat dan menyemai bakat dalam debat yang menuntut para peserta menghayati sepenuhnya serta bersungguh-sungguh berlatih untuk mencapai potensi maksimum mereka.

Kata Dr. Mohammad, melalui kemahiran dan pengalaman sampingan beraktiviti, pelajar boleh mempraktiskannya ke dalam dunia akademik iaitu merancang, memberi fokus, menetapkan sasaran dan belajar secara bijak, serta boleh belajar dalam jangka masa yang panjang. Katanya, HEPA juga memupuk kemahiran survival di kalangan pelajarannya.

“Kalau sedikit sahaja mujahadah atau kesukaran sudah mengeluh dan mengadu, bagaimana untuk survival,” tegas beliau.

Oleh itu, beliau memberitahu, HEPA telah mereka bentuk program yang diisi dengan keadaan kesukaran dan serba kekurangan, bagi membolehkan pelajar tahan diuji.

Glokal

Wawasan HEPA KUIM, kata Dr. Mohammad, adalah untuk mewujudkan sinergi antara akademik dan aktiviti HEPA sementara misinya ialah membangunkan dan menyediakan persekitaran, prasarana dan kemudahan yang kondusif, produktif serta mesra pelajar ke arah melahirkan ilmuan glokal.

Menurut beliau, KUIM dari semasa ke semasa akan terus menerapkan konsep mesra pelajar, dan semua warga KUIM perlu menyedari bahawa mereka ialah sebahagian daripada sistem penyampaian. “Pelajar ialah pelanggan kita,” katanya.

Kata Dr. Mohammad, pelajar ke KUIM akan mengalami pengalaman tinggal dan belajar dalam persekitaran yang kondusif.

KUIM juga mahu memastikan semua penghuninya gembira sebagai warga KUIM. Sebab itulah *tagline* HEPA, “GEMBIRA BERSAMA KUIM” (*We're Happy With KUIM*).

Sebelum ini slogan KUIM selama dua tahun mengikut turutan ialah Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti serta Bina Upaya, Perkasa Citra.

“Pada tahun ini, kita hendak mencipta situasi yang kondusif untuk pengalaman P&P,” katanya.

Bagi beliau, jika pelanggan gembira, *stake holders* juga gembira, dan hal ini memberi petunjuk positif kepada KPI. Katanya, KUIM juga menyediakan terma rujukan kepada ciri-ciri kesesuaian dan keserasian pelajar.

Tegas beliau, sebarang ketidakserasian boleh diluahkan dengan cara yang berdisiplin mengikut cara kita.

Kata beliau, melalui aktiviti Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), KUIM cuba membina kemahiran *soft skills* yang bertaraf dunia.

"KUIM menggalakkan pelajarannya terlibat dalam berbagai pertandingan debat seperti Debat DiRaja, debat peringkat kolej, fakulti dan universiti, debat Alam Sekitar, Jabatan Perpaduan, debat IKIM, debat Bahasa Arab dan sebagainya.

"Kita mahu lahirkan *world beaters*, mempunyai daya saing yang mantap dan mempunyai kemahiran untuk menang," ujarnya.

Kata Dr. Mohammad, pemerhatiannya mendapati komen umum tentang punca masalah pengangguran siswazah yang kerap berulang ialah masalah komunikasi, khususnya dalam berbahasa Inggeris.

Kelayakan

Selain itu, faktor lain ialah ketrampilan, pengetahuan umum dan ketidaksepadanan kursus yang ditawarkan dengan kelayakan.

"Saya dapati yang kerap dibangkitkan ialah masalah komunikasi, iaitu kurang keyakinan diri dan kurang penampilan" ujar beliau.

Untuk mengatasi isu itu, kata beliau, KUIM mewajibkan semua pelajar mengikuti program pengucapan awam. Selain itu HEPA juga bertindak sebagai fasilitator dalam hal pembangunan imej dan sahsiah pelajar, dengan menggalakkan mereka menceburi dalam aktiviti luar kampus bagi membolehkan pelajar membina beberapa kemahiran termasuk mengurus, dan membina jaringan hubungan dengan pihak luar.

Untuk pembentukan sahsiah juga, Dr. Mohammad berkata, pelajar terlibat dalam aktiviti masyarakat. Beliau memberi contoh Khidmat Semai Bakti di Lahad Datu, Sabah - dengan kerjasama BAKTI, Felda Lahad Datu dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Katanya, pihak HEP juga sedang menjenamakan programnya iaitu

Khidmat Ukuwah Integrasi Masyarakat (KUIM), sebagai salah program di bawah Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM).

Kata beliau, program yang diberi nama mengikut akronim KUIM itu pernah diadakan di kawasan DUN Pilah, Negeri Sembilan. Program itu mencakupi penganjuran aktiviti untuk pelajar tadika sehingga ke warga emas di kawasan tersebut. Tumpuan adalah kepada calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Tentang ceruk (*niche*) KUIM, Dr. Mohammad berkata, di KUIM, pengajian Islam merentasi pelbagai bidang. Katanya, bidang pengajian Islam yang asas juga merentasi kursus atau bidang baru dan semasa yang diperkenalkan oleh KUIM. Kata beliau dalam bidang sukan juga KUIM cuba berfokus kepada ceruk tertentu, iaitu sukan yang belum diceburi secara serius oleh universiti-universiti lain.

"Misalnya golf, atau memanah. Setiap petang Rabu pelajar kokurikulum berlatih Golf di Nilai Springs," katanya.

Megang sejak awal lagi, kata beliau, KUIM mahu melahirkan ilmuan Islam, yang ceria, dengan penampilan yang dinamik, diterapkan dengan keunggulan akhlak, disiplin, takwa.

"Kita terapkan ilmu-ilmu aqli dan naqli, sebagai contoh seorang ustaz yang alim tetapi boleh bercakap dan mahir tentang ICT," katanya. Tegas beliau, jenama yang ingin diterapkan di kalangan pelajar ialah pelajar KUIM perlu menjadi agen perubahan dengan gaya dan cara KUIM.

Sebagai persiapan untuk menghadapi dunia pekerjaan, pelajar mengikuti kursus Latihan Industri (diberi nilai kredit). Satu pendedahan yang sangat bernilai ialah di bawah program *Ambassador Assistant*. Seramai 24 orang pelajar KUIM yang menerima ijazah mereka pada Majlis Konvokesyen keempat ini bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Program ini dibiayai oleh Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. dan juga Tourism Malaysia. Di antara pelajar ini, ada yang bertugas sebagai pembuat pengumuman dalam bahasa Arab, dan yang lainnya membantu para pelancong terutamanya daripada Timur Tengah. Satu MOA antara KUIM dan Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. telah dimekalkan.

Untuk tujuan pemantapan, KUIM juga menghantar beberapa pelajarannya mengikuti program bahasa Arab dan bahasa Inggeris di beberapa institusi yang dikenal pasti. Seramai 10 orang pelajar KUIM telah dihantar mengikuti kursus intensif bahasa Arab di Universiti Al-Bayt, Jordan, dari 18 Mei hingga 8 Julai 2006. Manakala 20 orang pelajar telah mengikuti program intensif bahasa Inggeris di Kolej INTI, Subang Jaya, dari 8 Mei hingga 5 Julai 2006.



**PROF. DR.
MOHAMMAD
BIN HJ. ALIAS**

Timbalan Rektor
(HEPA)

Kalau pada mulanya kami hanyalah pilihan ketujuh dan kelapan dalam senarai Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) Kementerian Pengajian Tinggi, kini kami merupakan pilihan keempat - malah yang pertama

ARSHAD HAMZAH

Timbalan Pendaftar
Akademik KUIM

KUIM

kian cemerlang dan dikenali

KOLEJ Universiti Islam Malaysia (KUIM), kini menjadi pilihan lepasan sekolah yang cemerlang, sekali gus menjadi petunjuk bahawa institusi ini semakin mencipta nama dan kian dikenali.

Kini, KUIM semakin tersohor dipersada ilmu aqli dan naqli tempatan dan antarabangsa.

Kata Timbalan Pendaftar (Akademik) KUIM, **Arshad Hamzah**, sejak KUIM memperkenalkan kursus semasa dan kompetitif seperti perubatan, perguruan, sains, perakaunan dan undang-undang, pelajar lepasan sekolah yang cemerlang mula mengintai-intai kursus di KUIM.

"Kalau pada mulanya kami hanyalah pilihan ketujuh dan kelapan dalam senarai Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) Kementerian Pengajian Tinggi, kini kami merupakan pilihan keempat - malah yang pertama," katanya.

Menurut beliau, dasar KUIM menetapkan bahasa Inggeris atau Arab sebagai syarat menyiapkan tesis pasca siswazah, telah menjadikan KUIM menjadi salah satu lokasi pengajian tinggi yang menjadi pilihan dalam carta institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

"Kini KUIM tidak lagi dibayangi oleh kehebatan mana-mana institusi pengajian tinggi," ujarinya.

Pada peringkat awal penubuhannya, KUIM menawarkan program di bawah fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Kemudian program gunaan seperti pentadbiran muamalat di bawah Fakulti Ekonomi dan Muamalat diperkenalkan, dan mula mendapat perhatian dan tempat.

Menurut beliau, program Tamhidi mendapat sambutan paling tinggi.

"Sebagai buktinya, bagi sesi pengambilan 2006, kuota yang disediakan sudah penuh", ujarinya.

Kata Arshad, Tamhidi Perakaunan dan Tamhidi Perubatan mendapat sambutan yang paling hebat, dan kebanyakan pelajar yang memohon ialah pelajar cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Beliau berkata, syarat kemasukan pelajar juga tinggi untuk beberapa kursus seperti Syariah dan Undang-Undang.

"Saya beri contoh, calon yang ingin mengikuti program Syariah dan Undang-undang perlu melepasi

MUET Tahap 3," katanya.

Begitu juga dengan program-program dakwah, komunikasi dan kaunseling - juga mendapat sambutan yang sangat tinggi.

Tentang pengantarabangsaan beliau memberitahu, KUIM mula mendapat perhatian sejak gerakan promosi di luar negara dilaksanakan dengan giat.

Katanya, KUIM mengambil pelajar sarjana muda dari Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand, sijil setaraf A Level dan mahir bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Bagi program lepasan ijazah, sebanyak 45 pelajar dari luar negara sedang menuntut di universiti itu.

Menurut Arshad, menjadi pegangan universiti itu untuk melahirkan graduan yang bersikap terbuka.

Katanya, beberapa syarat yang dikenakan oleh calon dan pelajar program perubatan seperti menghafaz beberapa juz dalam ayat tertentu bertujuan supaya pelajar turut mengkaji kitab suci itu, yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka.

"Kita mahu menunjukkan satu imej bahawa Islam adalah agama yang bertoleransi, bukan kekerasan atau paksaan," ujar beliau.

Katanya, itulah konsep yang mahu diterapkan oleh KUIM, iaitu menyepadukan aqli dan naqli.

Sebab itulah, pelajar KUIM wajib mengikuti 13 subjek teras pengajian Islam - tanpa mengira bangsa.


Beliau yakin bahawa sasaran pengambilan 10,000 pelajar di KUIM akan tercapai pada 2010.

KUIM dijangka mengambil 1,500 pelajar baru pada sesi 2006, dengan jumlah enrolmen 2,800 orang.



STATISTIK

PENCAPAIAN GRADUAN TAHUN 2006 MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN DAN KELAS IJAZAH



QI05 SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN
 QI06 SARJANA MUDA SYARIAH DAN KEHAKIMAN DENGAN KEPUJIAN
 QI07 SARJANA MUDA DA'WAH DAN PENGURUSAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN
 QP21 SARJANA MUDA PENTADBIRAN MUAMALAT DENGAN KEPUJIAN

STATISTIK BILANGAN PELAJAR ANTARABANGSA PERINGKAT SARJANA MUDA, SESI AKADEMIK 2006/2007*

PROGRAM	BIL.	NEGARA ASAL
SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN	2	SINGAPURA (1), THAILAND (1)
SARJANA MUDA DA'WAH DAN PENGURUSAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN	4	SINGAPURA (3), INDONESIA (1)
SARJANA MUDA PENTADBIRAN MUAMALAT DENGAN KEPUJIAN	2	KEMBOJA (1), THAILAND (1)
SARJANA MUDA KOMUNIKASI DENGAN KEPUJIAN	1	KEMBOJA (1)
SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN	1	BRUNEI (1)
SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN (KESELAMATAN DAN JAMINAN MAKLUMAT)	1	IRAQ (1)
SARJANA MUDA BAHASA ARAB DAN KOMUNIKASI DENGAN KEPUJIAN	2	INDONESIA (2)
JUMLAH	13	**

* maklumat adalah benar sehingga 07 Ogos 2006

** Pecahan negara pelajar antarabangsa – Indonesia (3), Thailand (2), Kemboja (2), Singapura (4), Brunei (1), Iraq (1)

STATISTIK BILANGAN PELAJAR PERINGKAT SISWAZAH MENGIKUT NEGARA DAN PROGRAM PENGAJIAN, SESI AKADEMIK 2006/2007*

NEGARA	DIPLOMA SISWAZAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	JUMLAH
MALAYSIA	90	13	7	110
INDONESIA	-	3	-	3
THAILAND	-	-	1	1
ARAB SAUDI	-	-	1	1
IRAQ	-	-	1	1
SYRIA	-	-	1	1
OMAN	-	1	1	2
LIBYA	-	3	-	3
TUNISIA	-	1	-	1
MESIR	-	-	2	2
BURKINA FASO	-	-	1	1
MAURITANIA	-	1	-	1
JUMLAH	90	22	15	127

* Maklumat adalah benar sehingga 15 Ogos 2006



DR. MOHAMED SHARIF BASHIR

Setinggi-tinggi

Tahniah

Kepada Graduan Sulung

Sarjana Muda Pentadbiran Mu'amalat

PhD sulung

SEMPENA konvokesyen keempat ini, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) meraikan kelahiran sulung graduan doktor falsafah (PhD) yang pertama iaitu **Saeed N. Alhazmi**. Beliau dilahirkan pada tahun 1961, di Mekah dan merupakan seorang warga Arab Saudi.

Dengan kejayaan ini bermakna Saeed menjadi warga Arab Saudi yang pertama mendapat PhD di KUIM dan juga di Malaysia. Sebelum itu, pada tahun 1994, Saeed juga menjadi pelajar pertama dari negaranya yang mendapat Ijazah Sarjana (Master) Kepimpinan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam Media Massa dari Universiti Raja Abdul Aziz, Jeddah pada tahun 1985. Kemudian Saeed mengambil Diploma Pengajian Islam selama dua tahun di Kaherah, Mesir.

Untuk mendapat PhD ini, tesis Saeed ialah *study on arabic website*. Beliau memilih islamonline sebagai subjek kajian kerana ia merupakan laman web nombor satu berkaitan agama dan dikunjungi berjuta pengunjung setiap hari. Laman yang merangkumi subjek komprehensif ini dibangunkan pada Oktober 1999 dan berpusat di Qatar.

Beliau menjalankan kaji selidik selama tiga minggu di laman web tersebut. Dalam tempoh itu, 5795 responden telah memberi maklum balas untuk direkod, dianalisa, dirumus dan seterusnya dibentangkan kepada panel penyelia.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tersenarai dalam antara sepuluh teratas pengunjung laman web islamonline yang didahului

oleh warga Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Menurut Saeed, beliau memilih KUIM kerana faktor bahasa, staf akademik dan galakkan daripada penyalinnya, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Abdullah Md. Zain.

Dasar KUIM yang mengutamakan penggunaan bahasa Arab dan Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran memudahkan komunikasi antara pelajar, penyarah dan kakitangannya.

Staf akademik KUIM pula, berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang sentiasa sedia untuk membantu Saeed menyelesaikan segala kemusykilan dalam kajian dan tesis PhDnya.

Faktor lain yang mendorong Saeed melanjutkan pelajaran di KUIM ialah yuran berpatutan, kemudahan canggih dan sistem yang baik.

Selepas tragedi 11 September, Malaysia menjadi pilihan umat Islam seluruh dunia khususnya warga Arab Saudi kerana ia selamat, moden dan ada banyak restoran makanan Arab. Hal ini menjadikan mereka seperti berada di

negara sendiri.

Tambahan pula, ujar Saeed sebagai universiti baru, KUIM berupaya untuk menjadi yang terbaik di Asia kerana ia boleh menggunakan teknik atau ramuan yang telah terbukti berkesan yang dipraktikkan oleh universiti sedia ada.

Sesungguhnya kejayaan Saeed ini amat manis dan membanggakan KUIM kerana ia membuktikan penerimaan serta pengiktirafan warga antarabangsa kepada keupayaan serta potensi universiti ini di peringkat global.



SAEED N. ALHAZMI

Dari halaman 7

Melahirkan graduan terbilang

Tambahan pula sebahagian staf akademik KUIM terdiri warga asing seperti daripada Sudan, Iraq, Algeria, Libya, Mesir, Kanada dan Indonesia yang hanya boleh berkomunikasi sama ada menggunakan Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab sahaja. Secara tidak langsung para pelajar perlu menguasai kedua-dua bahasa tambahan ini untuk berkomunikasi dengan tutor atau pensyarah mereka.

Dalam konteks ini, usaha pengatarabangsaan KUIM iaitu menggunakan khidmat tenaga pengajar dari pelbagai latar belakang akademik berjaya membuah hasil. Langkah seterusnya ialah meningkatkan bilangan pelajar asing agar penguasaan bahasa asing graduan KUIM lebih mantap pada masa hadapan.

Untuk Meningkatkan kemahiran ICT pula satu kurikulum khas telah digubal agar para graduan KUIM mampu mengendalikan peralatan, sistem operasi, perisian dan sistem rangkaian. Ringkasnya graduan KUIM bukan setakat menguasai kemahiran asas ilmu perkomputeran sahaja malah mampu membangun dan mengurus laman web sendiri. Kemahiran komunikasi juga dimasukkan dalam kurikulum pelajar. Ia mencakupi teori dan praktis dalam penguacapan awam, penulisan dan etika ketika bersosial.

Sebaliknya ilmu keusahawanan adalah kursus pilihan yang dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) dan yang kedua ialah Latihan Asas Keusahawanan Siswa (LAKS).

Walaupun ia bukan wajib tetapi pihak universiti komited memberi sokongan sehingga ke tahap menye-

diakan seorang penyelarasan untuk menjalankan kursus intensif ini. Pelajar didedahkan kepada segala selok-belok tentang teknik dan keperluan untuk menjadi usahawan berjaya bermula dari proses penyediaan kertas cadangan perniagaan sehinggalah ia direalisasikan.

Demi mencapai graduan yang mempunyai kualiti tinggi, berpersonaliti unggul dan menepati kehendak pasaran, KUIM memberi galakan dan dorongan dengan menyediakan pelbagai bentuk anugerah dan pengiktirafan kepada pelajar yang cemerlang akademik mahupun kokurikulum.

Sehubungan itu sempena majlis konvokesyen ini pelbagai kategori anugerah diwujudkan. Antaranya ialah Anugerah Pelajar DiRaja, Anugerah Canselor, Pingat Emas Rektor, Hadiah Buku Universiti dan Hadiah Buku Fakulti.

Terdahulu, KUIM telah menaja 10 pelajarnya yang cemerlang dalam Bahasa Arab daripada pelbagai fakulti dan tahun pengajian mengikuti kursus intensif Bahasa Arab selama dua bulan di Jordan pada bulan Mei yang lalu. Jumlah penajaan ialah kira-kira RM100 ribu. Manakala bagi pelajar yang cemerlang Bahasa Inggeris pula dihantar mengikuti kursus intensif bahasa berkenaan juga selama dua bulan di Kolej INTI.

Pihak universiti dengan sokongan penaja telah membiayai sebahagian kos penghantaran 17 pelajar KUIM ke Arab Saudi untuk mendalami Bahasa Arab. Pelajar terbabit menanggung sebahagian lagi kos menggunakan dana hasil aktiviti keusahawanan yang mereka jalankan. Ini merupakan satu bukti jelas kecemerlangan pelajar KUIM.

Setinggi-tinggi

Tahniah

*kepada
semua graduan*

SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KEEMPAT

KUIM

DARIPADA SELURUH WARGA KAMPUS
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Majlis Perwakilan Pelajar
Kolej Universiti Islam Malaysia Sesi Akademik 2005/2006

KELUARAN KHAS
KONVOKESYEN

5 | **KUIM**



Ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu

Aktiviti Hari Jalinan Mesra

Lawatan ke Mesir

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Sukan Golf

Sukan Memanah

Berkayak di Tasik Putrajaya

Manifestasi Kecemerlangan Pelajar KUIM

Diterbitkan oleh:
Pusat Perhubungan Korporat & Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai
Negeri Sembilan